

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

Program Latihan Seribu Nyadi Satu (*Service Learning*), Lubok Antu
anjuran MSc.HRD Kohort Februari 2017

UNIMAS News



Lubok Antu Sri Aman, Sarawak: 26-27 April 2018

Sekumpulan pelajar program Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia), Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM) dengan kerjasama Aiman Planet Borneo of Companies telah menganjurkan program latihan Seribu Nyadi Satu kepada staf dan kakitangan Aiman Batang Ai Resort & Retreat (ABARR) pada 26-27 April yang lepas bertempat di Lubok Antu, Sri Aman. Program latihan selama dua (2) hari ini yang merupakan aktiviti bersifat *service learning* adalah merupakan salah satu keperluan kursus *KMS6033 Design of Training Program*

yang perlu dipenuhi oleh setiap pelajar program Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia) untuk bergraduasi.

Encik Helmi Sumilan dan Cik Victoria Jonathan daripada Program Pembangunan Sumber Manusia, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM) yang juga merupakan pensyarah kursus KMS6033 sekaligus merangkap penasihat program latihan berkenaan turut hadir bagi memantau perjalanan program. Objektif utama program latihan Seribu Nyadi Satu berkenaan adalah untuk meningkatkan kemahiran komunikasi di dalam organisasi serta memupuk semangat kerja berpasukan di kalangan staf dan kakitangan operasi Aiman Batang Ai Resort & Retreat (ABARR). Pelbagai modul telah dirangka dan dilaksanakan sepanjang dua hari program berkenaan diadakan termasuklah *ice-breaking*, pengucapan awam, pembentangan serta aktiviti-aktiviti *team-building*. Turut hadir semasa majlis penutupan program adalah Ketua Pegawai Operasi Aiman Planet Borneo of Companies Encik Edward Minggat Gena.